



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**PROGRAM SEMARAK UNITI KELUARGA MALAYSIA (SUKM) PERINGKAT
KEBANGSAAN DI DATARAN KERAYONG, BERA, PAHANG**

17 NOVEMBER 2022, BERA (PAHANG) - Kemuncak bagi Program Semarak UNITI Keluarga Malaysia (SUKM) Peringkat Kebangsaan anjuran Kementerian Perpaduan Negara telah diserikan lagi dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di sini hari ini. Bertempat di Dataran Kerayong, Bera, Pahang hadir sama adalah Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique yang juga pencetus idea kepada program ke arah menyemarakkan perpaduan dalam kalangan Keluarga Malaysia.

SUKM pada kali ini telah berlangsung selama dua hari bermula dari 16 hingga 17 November 2022. Bertemakan “Merakyatkan Perpaduan Keluarga Malaysia”, program yang berlandaskan kepada tiga teras utama Keluarga Malaysia iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran menitikberatkan penghayatan terhadap pengukuhan keharmonian dan kesepaduan rakyat pelbagai bangsa. SUKM adalah penterjemahan kepada pelaksanaan Pelan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 yang menumpukan usaha-usaha menyemarak dan memperbanyakkan lagi detik-detik perpaduan.

Pelaksanaan program SUKM adalah secara berterusan dan diperluaskan ke seluruh negara di peringkat daerah, parlimen sehingga ke peringkat komuniti. Tujuh siri SUKM telah berlangsung sebelum ini di Putrajaya, Johor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak. Ini adalah pendekatan yang ditekankan Kementerian bagi memastikan program-program perpaduan seumpama ini dapat didengar, dilihat dan dirasai oleh seluruh Keluarga Malaysia.

YAB Perdana Menteri turut memeriahkan pengisian utama di Rumah KAMI sempena antaranya:

- i. Lawatan ke rumah Masyarakat Kaum Melayu, Masyarakat Kaum Cina, Masyarakat Kaum India, Masyarakat Sabah dan Masyarakat Sarawak. Uniknyanya pada edisi kali ini, Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Semai yang sebahagiannya berasal dari Bera, Pahang turut ditampilkan dengan persembahan tarian asli dan barangan kraftangan hasil seni kaum itu sendiri;
- ii. Persembahan Kebudayaan pelbagai bangsa;
- iii. Aktiviti sukan rakyat yang menampilkan sukan tradisional masyarakat

- majmuk Malaysia seperti congkak, batu Seremban, yoyo Cina, catur Cina, dam aji, sepak bulu ayam (chapteh) dan ceper; dan
- iv. Senam harmoni yang berkonsepkan persembahan silang budaya dan seni sukan yang menjadi agen utama kepada perpaduan nasional.

Sementara itu, menurut Datuk Halimah, pengukuhan terhadap nilai kebersamaan dan saling menghormati di kalangan Keluarga Malaysia wajar disemai dan terus diperkukuhkan lagi agar keharmonian yang terjalin dapat mengekalkan kesejahteraan negara Malaysia.

Pada majlis tersebut, Datuk Halimah turut menyempurnakan Pelancaran Koleksi Pantun Perpaduan Halimah Mohamed Sadique yang menghimpunkan lebih 100 pantun berunsurkan keharmonian dan kesepaduan integrasi nasional di kalangan rakyat Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

17 November 2022

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 ()